



MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah Darul Aman (MPSPK) untuk memperkasakan perkhidmatan melalui aktiviti-aktivitinya bagi mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif kepada seluruh warga kerjanya dan pihak-pihak yang berurusan dengan MPSPK.

Pihak Pengurusan dan warga kerjanya akan bersama-sama bertekad dan berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif dasar ini melalui perancangan dan kawalan bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang kondusif, bersih dan selamat kepada warga kerjanya dan orang-orang lain.

Bagi memastikan dasar ini tercapai, MPSPK memastikan :-

1. Penyediaan dan penyelenggaraan tempat kerja yang selamat, selesa dan bersih dengan mengambil kira kehendak undang-undang dan peraturan-peraturan seperti yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
2. Menyediakan sumber kewangan, sistem dan latihan yang mencukupi serta meningkatkan kesedaran dan kompetensi pekerja untuk bekerja di dalam suasana yang selamat dan sihat.
3. Menyiasat dan mengambil tindakan penambahbaikan dan pencegahan dengan kadar segera ke atas sebarang kemalangan pekerjaan yang berlaku dan dilaporkan kepada pihak berkenaan.
4. Mengutamakan aspek kesihatan dan keselamatan dan perancangan dan penilaian semua projek, operasi dan aktiviti yang dianjurkan MPSPK.
5. Memastikan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dilaksanakan secara efektif dan berterusan bagi memastikan warga kerja dan orang-orang lain berada di dalam selamat dan sihat.
6. Memastikan semua warga kerja MPSPK diberi maklumat, pendedahan, latihan dan kursus yang berkaitan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pekerjaan terpelihara.
7. Menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan asas kepada warga kerja termasuklah peralatan pencegahan dan keselamatan diri

SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN, AMK., BCK., ASK
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN

23 JUN 2020